

EDISI JANUARI & FEBRUARI 2022

E - BULETIN

VERSI PELAJAR
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
CAWANGAN PULAU PINANG

Sebuah penerbitan digital secara berkala oleh Majlis Perwakilan Pelajar UiTM Cawangan Pulau Pinang Sesi 2021/2022 dalam merekod pencapaian dan kecemerlangan mahasiswa mahasiswi UiTM Cawangan Pulau Pinang yang diedarkan secara percuma di laman sesawang:

<https://sites.google.com/view/mppuitmcpp>

E-buletin ini akan diterbitkan untuk memaparkan aktiviti-aktiviti menarik yang berlaku sepanjang bulan tersebut.

Tips: Terdapat juga perkataan/gambar yang boleh ditekan dan akan membawa anda terus ke pautan yang berkaitan.

Penerbit

Majlis Perwakilan Pelajar Pulau Pinang
UiTM Cawangan Pulau Pinang
Sesi 2021/2022

Penaung

Prof. Ts. Dr. Salmiah Binti Kasolang
Rektor
UiTM Cawangan Pulau Pinang

Penasihat

Ts. Dr. Mohd Rozaiman Bin Aziz
Timbalan Rektor Hal Ehwal Pelajar
UiTM Cawangan Pulau Pinang

Editor

Sekretariat Majlis Perwakilan Pelajar,
Exco Perhubungan Korporat dan Akademik

Pereka Grafik

Wan Mohamad Amzar Shahmi Bin Wan Sabri
Muhammad Hilmee Bin Mohd Tayazi



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA


Cawangan Pulau Pinang
Kampus Permatang Pauh
Kampus Bertam



MAJLIS
PERWAKILAN
PELAJAR
SESI 2021/2022



SEKRETARIAT
MAJLIS
PERWAKILAN
PELAJAR
SESI 2021/2022




UNRAVELLING SECRETS IN QURAN

..... page 11&12


L'ARTE DEL LINGUAGGIO

..... page 13&14




E-CONFERENCE PERWAKILAN KOLEJ UTARA MALAYSIA

..... page 15&16



PROJECT PRESENTATION FINAL YEAR 2

..... page 17&18



..... page 19&20

CÉRÉMONIE D'APPRECIATION DU CLUB ÉTUDIANT 2022

LAWATAN AKADEMIK & PENANDA ARAS

..... page 21&22

..... page 23-25

MAJLIS PERMUKIMAN DAN KURSUS PENGURUSAN ORGANISASI

MAJLIS PERMUKIMAN DAN KURSUS PENGURUSAN ORGANISASI **MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR (MPP)** UITM SE-MALAYSIA

24-27 FEBRUARI

Pada 24-27 Februari 2022, telah berlangsungnya Majlis Pemukiman dan Kursus Pengurusan Organisasi Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) UiTM Se-Malaysia yang bertempat di Avillion Admiral Cove, Port Dickson. Program ini telah melibatkan empat(4) wakil Majlis Perwakilan Pelajar terdiri dari Majlis Tertinggi MPP bagi setiap UiTM di Malaysia. Pelbagai pengisian telah dijalankan sepanjang empat hari program ini berlangsung.





Pada hari pertama program ini berlangsung, telah diadakan Majlis Penyampaian Watikah Pelantikan MPP UiTM sesi 2021/2022. Watikah ini telah disampaikan oleh Yang Berusaha Profesor Sazili Shahibi selaku Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar UiTM. Pengisian lain program ini ialah, sesi bersama Timbalan Naib Canselor HEP iaitu Prof Profesor Sazili Shahibi dengan tajuk perbincangan MPP Graduan Berkualiti. Sesi perkongsian ini dijalankan secara santai yang mana MPP dibenarkan untuk bertanyakan sebarang persoalan mahupun perkongsian pengalaman beliau. Program diteruskan dengan sesi dialog bersama Yang Berbahagia Dato' Hj Mohamad Anuar Mohd Yunus selaku Setiausaha Politik YAB Perdana Menteri. Sesi dialog ini berjalan dengan jayanya sehingga selesai. Slot terakhir bagi hari ketiga ialah sesi bersama YB. Senator Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Ibrahim Shah iaitu Pengerusi Lembaga Pengarah UiTM. Sesi ini telah membincangkan mengenai Mahasiswa dan UiTM.

Pada hari ketiga program telah diteruskan dengan slot grooming untuk Majlis Perwakilan Pelajar Se-Malaysia. Sesi grooming pertama ialah mengenai etika iaitu personal branding yang telah disampaikan oleh Dr. Kamril Juraidi Bin Abdul Karim. Pelbagai tips dan ilmu yang diperolehi untuk menjadikan MPP seorang yang mempunyai identiti tersendiri. Sesi grooming kedua ialah berkenaan tadbir urus mesyuarat yang telah disampaikan oleh Puan Azida Azmi. Program ini telah memberi pendedahan kepada MPP berkenaan pengurusan kertas kerja, laporan dan juga penghasilan minit mesyuarat. Slot program diteruskan lagi dengan pengurusan majlis dan acara yang telah disampaikan oleh Puan Ezurya Rathi. Pengisian slot ini adalah lebih kepada pengurusan sesuatu majlis samada secara rasmi mahupun tidak rasmi.



Pengisian lain program ini adalah program pemukiman MPP yang mana program ini dilaksanakan secara perbincangan mengenai topik-topik tertentu yang telah diwakili oleh Yang DiPertua UiTM Se-Malaysia. Pengisian lain turut dijalankan bagi memantapkan portfolio MPP seperti perancangan strategik dan perkongsian gerak kerja bersama portfolio masing-masing. Aktiviti yang merapatkan ukhuwah antara MPP Se-Malaysia turut dijalankan ketika program pemukiman ini berlangsung.



E - BULETIN



EDISI JANUARI & FEBRUARI 2022

TAMAT

